

Ahmad Fauzi muncul juara Cabaran Dagang 2014

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Semangat untuk berdaya saing menjadi pendorong kejayaan Ahmad Fauzi Mohamad Rodzi, 21, dari Bandar Baru Bangi, Selangor muncul juara dalam Cabaran Usahawan Dagang 2014 (Trade'Ch).

Kejayaan itu membolehkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500, piala, pakej pelancongan perniagaan Ho Chi Minh, Vietnam dan menjalani perniagaan di gerai Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) selama empat hari secara percuma.

Program yang memasuki tahun kedua penganjurannya itu, dijayakan dengan kerjasama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia, Kementerian Pendidikan, PKNS dan ASL Resources Training & Consultancy.

"Saya bersyukur kerana terpilih menjuarai cabaran ini dan amat berterima kasih kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan," kata **Ahmad Fauzi** ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah yang diadakan di Bandar Baru Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Tambah Ahmad, selama dua bulan menjalani latihan di UTCT UPM, beliau berjaya membawa hasil



AHMAD Fauzi Mohamad Rodzi berkongsi kegembiraan dengan rakan-rakan lain selepas majlis penyampaian hadiah di Bandar Baru Bangi, Selangor, baru-baru ini.

perniagaan lebih RM27,000 melalui perniagaan dalam bidang percetakan dan cenderamata yang beroperasi di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.

Sementara itu tempat kedua, Rosilawati Abd. Karim, 30 dari Sik, Kedah membawa pulang wang tunai RM1,000 dan pakej pelancongan perniagaan Ho Chi Minh, Vietnam, diikuti tempat ketiga, Husna Mastura Halmi, 22 dari Taiping, Perak membawa pulang hadiah wang tunai RM700.

Sementara itu Pengarah UCTC UPM, **Prof Madya Dr. Hawa ZE Jaafar** berkata, peningkatan yang ketara hasil keseluruhan pendapatan tahun 2014 berjaya diperolehi sebanyak RM121,027 berbanding pencapaian tahun 2013 sebanyak RM74,061.

Katanya, ia menunjukkan peningkatan sebanyak 63 peratus dan kejayaan 15 peserta pada tahun ini amat membanggakan melalui pelbagai jenis perniagaan diusahakan.